

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR**  
**BILANGAN 3/2013**

=====

**Lesen Pendudukan Sementara (LPS) Bagi Tujuan Kediaman**

-----


Arahan ini dikeluarkan bagi memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah (PTD) berhubung keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 8/2013 yang diadakan pada 27 Februari 2013 melalui kertas MMK. No. 6/8/2013 yang disahkan oleh MMKN ke 9/2013 pada 6 Mac 2013 ("**Keputusan tersebut**"). MMKN telah menimbang dan meluluskan semakan semula kadar bayaran dan kelulusan LPS bagi tujuan kediaman.

2. Berdasarkan Keputusan tersebut, **kuasa melulus diturunkan kepada PTD bagi meluluskan permohonan LPS bagi tujuan kediaman ke atas tapak yang diduduki oleh pemohon untuk permohonan pada tahun 2013 sahaja**. PTD diminta melaporkan kepada Majlis Mesyuarat Tindakan Ekonomi (MTES) status permohonan kelulusan pada setiap bulan. Semua PTD hendaklah menggunakan format laporan seperti di **LAMPIRAN A**. Selain itu, permohonan LPS di atas tanah rizab kerajaan perlulah ditolak diperingkat PTD melalui "Summary Rejection".

3. Kadar bayaran LPS bagi tujuan kediaman adalah seperti kadar yang telah ditetapkan di dalam Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003, merujuk kepada Kaedah 22 Item 1 seperti berikut:-

<b>Kegunaan</b>	<b>Tanah Bandar atau Pekan</b>	<b>Tanah Desa</b>	<b>Pesisir Pantai dan Dasar Laut / Sungai</b>	<b>Deposit</b>
Kediaman	RM100.00 setiap plot	RM80.00 setiap plot	RM50.00 setiap plot	-

4. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua PTD adalah diarahkan mematuhi keputusan yang telah ditetapkan.



(DATO KAMARULZAMAN BIN JAMIL)  
D.P.M.S.S.I.S,A.I.S,P.P.T  
Pegawai Tanah dan Galian  
Negeri Selangor Darul Ehsan  
Tarikh : 7/6/2013

Fail: Bil (25) dlm. PTGS/CR 02/00/2000

LAMPIRAN A

LAPORAN STATUS LPS BAGI TUJUAN KEDIAMAN  
DAERAH: \_\_\_\_\_

Bulan : \_\_\_\_\_ 2013

Bil.	Nama Pemohon	No. Fail.	Keluasan	Lokasi	Mukim/Pekan /Bandar	Status	Tempoh		Catatan
							Tarikh Mula	Tarikh Tamat	
						Lulus / Tolak			

\*Pada ruangan Catatan, sila nyatakan keadaan semasa tanah dan ulasan mengenai kesesuaian tanah untuk pertimbangan pembermilikan tanah dibawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara.